

11 MAY 2001

Mahathir-Kuota

KERAJAAN TIDAK PERNAH TETAP KUOTA IPTA IKUT KOMPOSISI KAUM

KUALA LUMPUR, 11 Mei (Bernama) -- Kerajaan tidak pernah menetapkan kuota kemasukan pelajar ke Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) berdasarkan komposisi kaum, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

"Kita kena ingat kemampuan kita...hendakkan kuota banyak (sehingga) 100 peratus pun boleh tapi kalau tidak ada orang yang layak apa gunanya, kalau tidak ada orang yang hendak (sia-sia sahaja)," kata Perdana Menteri.

Beliau berkata demikian semasa diminta mengulas cadangan beberapa pihak supaya kuota kemasukan Bumiputera ke IPTA dinaikkan kepada 66 peratus dan bukan Bumiputera 34 peratus berdasarkan bancian penduduk tahun lepas.

Ini kerana tokoh-tokoh pendidik berpendapat kuota 55 peratus untuk Bumiputera dan 45 peratus bagi bukan Bumiputera sekarang dibuat berdasarkan nisbah kaum ketika Dasar Ekonomi Baru digubal, lebih 30 tahun lepas.

Dr Mahathir berkata pelajar Bumiputera tidak begitu berminat mendalami bidang akademik yang sukar dan sikap seumpama itu boleh merugikan negara.

"Mereka (pelajar Bumiputera) bukan hendak belajar tentang bidang-bidang yang susah, mereka hendak bidang senang. (Jika ini berterusan) negara kita tidak akan mempunyai orang terpelajar dan rakyat Malaysia yang terpelajar akan pergi ke negara lain, (dan) kita akan hadapi kerugian," katanya selepas menghadiri majlis memperingati perjuangan Umno di Pusat Dagangan Dunia Putra di sini.

Dr Mahathir juga berkata beliau menyerahkan kepada rakyat membuat keputusan sama ada sistem kuota kemasukan pelajar Bumiputera itu harus dikekalkan, ditingkatkan atau dihapuskan.

"Kita tengok berapa ramai orang Melayu yang tak hendak kuota, kita hapuskan kuota. Kalau kehendak rakyat hendakkan kuota kita adakan kuota...kalau kehendak rakyat tidak mahu adakan kuota kita tak buat kuota. Kita ikut kehendak orang ramai," katanya.

Perdana Menteri turut membidas PAS yang sehingga ke hari ini tidak menyuarakan pendapat mereka mengenai sistem kuota berkenaan.

"Kita tahu PAS tidak hendak suarakan pendapat dia sama ada harus ada kuota atau tidak kerana PAS (sebenarnya) hendakkan kuota tetapi kalau dia kata dia hendak kuota, dia takut DAP tak akan sokong, jadi dia lebih jaga kepentingan parti dia daripada orang Melayu," katanya.

-- BERNAMA

ZAI SHS RV RON